

**Tukar ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.**

1. Kamu harus merebut peluang ini untuk meningkatkan kemahiran tarian.

-----

2. Pekerja majlis perbandaran telah memasang bendera pada setiap tiang di tepi jalan raya.

-----

3. Emak Syahmi sedang menggoreng mi untuk dihidangkan kepada tetamu.

-----

**Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.**

***Bidang keusahawanan wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini dapat mendidik remaja lebih berdaya kreatif. Sesungguhnya amat luas ruang bagi golongan remaja menceburi bidang ini. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga boleh menceburi bidang tersebut. Oleh hal yang demikian para remaja yang berminat dalam bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus dan latihan keusahawanan. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini.***

oleh Syed Mahadzir bin Syed Ibrahim

Dewan Siswa, Bil. 7 / 2019.

[6 markah]

1. -----

2. -----

3. -----

**Berdasarkan petikan di bawah, bina enam ayat tanya yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.**

Perhimpunan rasmi biasanya dijalankan *di dewan sekolah* pada hari pertama persekolahan *setiap minggu*. *Semua guru dan murid* diwajibkan menghadiri perhimpunan rasmi. Perhimpunan rasmi sekolah dapat *memupuk disiplin dalam kalangan murid*. Perhimpunan ini dapat menanam semangat patriotik melalui nyanyian lagu Negaraku. Para guru dan murid wajib berdiri tegak ketika menyanyikan lagu kebangsaan. Selain itu, perhimpunan rasmi diadakan untuk membudayakan *kemahiran mencatat dan kemahiran mendengar ketika guru menyampaikan amanat*.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*'Manfaat Perhimpunan Sekolah terhadap Pelajar'*  
oleh Teo Eileen,  
*Dewan Siswa, bil.12/2018*  
[5 markah]

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat di bawah.**

Caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Permainan caklempong kini dimainkan dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis dan keraian. Orkestra turut mengiringi persembahan permainan caklempong yang berskala besar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Buku Teks Tingkatan 4 halaman 162  
Kementerian Pendidikan Malaysia.  
[8 markah]

<b>Bil</b>	<b>Subjek</b>	<b>Predikat</b>
<b>1</b>		
<b>2</b>		
<b>3</b>		
<b>4</b>		